

Mahathir terperanjat bila diminta berhenti berucap

KUALA LUMPUR, 29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad terperanjat besar bila diarah supaya memberhentikan ucapannya oleh pengerusi tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah semasa menggulungkan perbahasan Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Ini kerana, Presiden UMNO itu telah melebihi tempoh penangguhan mesyuarat perhimpunan agung khas yang telah di-sulkan bermula pada pukul 11 pagi.

Setelah menghentikan ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir, pengerusi tetap mem-

UM 30 SEP 1985
ta Naib Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba membuat usul penangguhan supaya perhimpunan agung khas bermula 12 tengah hari.

Setelah Encik Ghafar mengemukakan usul dan disokong oleh Setiusaha Agung UMNO, Datuk Sanusi Junid, Dr. Mahathir meneruskan ucapan penggulangannya yang ketika itu sedang menyentuh soal penyakit AIDS.

Tan Sri Sulaiman secara berseloroh berkata: "Ada kala beliau mempunyai kuasa lebih dari presiden".